


The background of the entire image is a light blue sky filled with numerous hot air balloons of various colors (orange, yellow, pink, blue, green) and patterns (stripes, checkered, solid). There are also soft, white, fluffy clouds scattered throughout. The text is centered in the middle of the image.

MENAMATKAN KEGANASAN ATAS TALIAN TERHADAP KANAK-KANAK

BROUGHT TO YOU BY:
WWW.CREMALAYSIA.COM

Topik 1

Pelajar Darjah Satu hingga Darjah Tiga



Satu hari, selepas **Noni** pulang ke rumah dari sekolah, **Noni** membuat kerja sekolah di ruang tamu di rumahnya. Semasa ibu **Noni** berada di dapur, **Noni** terlihat telefon bimbit kakaknya yang terletak di atas meja.




Noni mengambil telefon bimbit kakaknya selepas melihat ada panggilan masuk dan melihat terdapat aplikasi **WeChat**. **Noni** mengambil telefon itu dan membawa masuk ke dalam bilik tidur ibunya. Noni menyentuh skrin aplikasi **WeChat** dan terus menerima satu mesej dari orang yang tidak dikenali yang berbunyi "*Hello budak cantik*"

Pada ketika itu, kakak **Noni**, bernama **Nana** masuk ke bilik tidur dan mengambil telefon bimbitnya dari **Noni**. Nana memberitahu **Noni tidak boleh mengambil telefon tanpa izinnya dan tidak boleh berada di dalam bilik tidur seorang diri dengan telefon tanpa pengawasan.** Nana juga menasihatkan **Noni** untuk **berhati-hati dan tidak boleh bercakap dengan orang yang tidak dikenali di atas talian.** Ia adalah **merbahaya** dan **Noni** mungkin **menjadi mangsa penderaan seksual online.** **Noni** meminta maaf kepada **Nana** dan berjanji tidak akan mengulangi perbuatannya lagi.

-- Tamat --

Topik 2

Pelajar Darjah Empat hingga Darjah Enam



Satu hari, selepas sesi sekolah tamat, **Daniel**, seorang pelajar tahun empat (4), sedang menunggu bas sekolahnya di luar sekolah dan tiba-tiba seorang lelaki yang menunggang motosikal berhenti. Lelaki ini memperkenalkan dirinya sebagai **Abang Julian**.

Daniel pernah melihat **Abang Julian** sebagai seorang pekerja di kedai runcit "*Our Mart*" yang terletak berdekatan rumahnya. **Abang Julian** memberitahu **Daniel** bahawa beliau boleh menolong untuk menghantar **Daniel** pulang ke rumahnya. Selepas **Daniel** menolak permintaan **Abang Julian**, beliau mahukan nombor telefon **Daniel** dan beliau terus memberikan nombor telefonnya. **Daniel** terlupa pesanan ibu dan bapanya untuk tidak memberikan nombor telefonnya kepada orang yang tidak dikenali.



Selepas **Daniel** pulang ke rumah, beliau telah menerima banyak pesanan dari **Abang Julian** melalui applikasi **WhatsApp**. **Abang Julian** mahu memberikan hadiah permainan Bumblebee Transformer kepada **Daniel**. **Daniel** berasa sangat gembira dan tanpa memberitahu sesiapa, telah keluar dari rumahnya untuk bertemu dengan **Abang Julian** di kedai runcit "*Our Mart*".

Abang Julian membawa **Daniel** ke belakang kedai. **Abang Julian** memberitahu Daniel bahawa sebelum memberikan permainan yang dijanjikan kepada **Daniel**, beliau mahu mengambil gambar **Daniel** tanpa memakai sebarang baju agar beliau boleh memuat naik gambar **Daniel** di laman **Facebooknya** untuk beliau berkongsi dengan rakan-rakannya yang lain.



Pada ketika itu, seorang kawan **Daniel** yang bernama **Jason**, pelajar darjah enam (6) dari sekolahnya telah masuk ke dalam kedai dan mendengar permintaan **Abang Julian**. **Jason** menarik **Daniel** ke arahnya dan mempersoalkan permintaan yang dibuat oleh **Abang Julian**. **Jason** memberitahu **Daniel** untuk **lebih berhati-hati** dan tidak boleh memenuhi permintaan **Abang Julian** **agar dirinya boleh dilindungi**. **Jason** juga memberitahu **Daniel** bahawa kanak-kanak lelaki dan perempuan boleh menjadi **mangsa penderaan seksual online**.

Daniel menyedari bahawa perbuatannya memberikan nombor telefonnya kepada Abang Julian, seorang yang tidak dikenali adalah **salah** dan memberitahu kedua ibu dan bapanya tentang apa yang terjadi. Kedua ibu bapa Daniel **membawanya ke balai polis untuk membuat laporan polis.** Abang Julian ditangkap dan kedua ibu bapa Daniel mengucapkan terima kasih kepada Jason kerana sifatnya yang **mengambil berat** terhadap kawan-kawannya. Daniel juga **meminta maaf** kepada kedua ibu dan bapanya dan **berjanji tidak akan mengulangi perbuatannya lagi.**

-- Tamat --